

19 September 2018 (Wednesday)



GREG CREED (lima dari kanan), Valerie Kubizniak (empat dari kanan), Kamaruzzaman Abu Kasim (dua dari kiri); Mohamed Azahari (tiga dari kanan), dan Lee Tian Hock (dua dari kanan) memotong riben pada majlis pelancaran restoran KFC ke-700 di Sendayan Metropark di Seremban, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN ASWAD YAHA

KFC sasar buka 23 cawangan tahun ini

Oleh DIANA AZIS
ekonomi@utusan.com.my

SEREMBAN 18 Sept. - QSR Brands (M) Holdings Bhd. (QSR Brands) akan membuka dua lagi restoran makanan segera KFC bagi mencapai sasaran sebanyak 23 cawangan baharu pada tahun ini.

Pengarah Urusannya, Datuk Seri Mohamed Azahari Mohamed Kamil berkata, pengendali tunggal kepada restoran makanan segera berdasarkan ayam itu kini sudah mempunyai 700 cawangan di seluruh negara.

"Restoran ke-22 KFC akan dibuka di Jalan Semarak, Kuala Lumpur pada Khamis ini dan pembukaannya nanti menandakan kita hampir mencapai sasaran sebanyak 23 cawangan bagi 2018.

"Bagi pembukaan cawangan ke-21 tahun ini atau ke-700 secara keseluruhan di Bandar Seri Sendayan hari

akhbar selepas Majlis Perasmian Cawangan KFC ke-700 di Bandar Seri Sendayan, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Yum! Brands Inc., Greg Creed; Pengurus Besar KFC Asia, Valerie Kubizniak; Timbalan Pengurusi Eksekutif Matrix Concepts, Datuk Lee Tian Hock dan Pengurusi QSR Brands, Datuk Kamaruzzaman Abu Kasim.

Mohamed Azahari berkata, restoran KFC di Bandar Seri Sendayan itu beroperasi 24 jam dan mampu menampung sehingga 170 pelanggan pada satu-satu masa serta dilengkapi kemudahan pandu lalu.

Dibina dengan kos keseluruhan bernilai RM3.5 juta, restoran itu turut dilengkapi teknologi penjimatan tenaga serta ciri-ciri mesra alam dengan sistem pengumpulan air hujan.

"Pencapaian ini sekali gus menjadi tonggak untuk QSR Brands mengorak penguasaan